



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI ATAS TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

Akta 248

AKTA TUAN RUMAH INAPAN 1952

Sebagaimana pada 1 Disember 2012

AKTA TUAN RUMAH INAPAN 1952

Pertama kali dibuat 1952 (Ordinan P.T.M.
No. 16 Tahun 1952)

Disemak 1980 (Akta 248 m.b.k.
14 Mei 1981)

SEMAKAN YANG TERDAHULU

Semakan Yang Pertama 1981

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 248****AKTA TUAN RUMAH INAPAN 1952**

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Kuasa menjual barang yang dideposit dengan tuan rumah inapan
4. Pembatasan liabiliti tuan rumah inapan
5. Keengganan menerima harta untuk disimpan dengan selamat
6. Salinan seksyen 4 hendaklah dipamerkan
7. Pemansuhan

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 248****AKTA TUAN RUMAH INAPAN 1952**

Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai relief tuan rumah inapan.

[29 Mei 1952]

Tajuk ringkas dan pemakaian

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Tuan Rumah Inapan 1952.
- (2) Akta ini terpakai di Semenanjung Malaysia sahaja.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain —

“barang-barang” ertinya sesuatu harta alih;

“pengurus” ertinya ejen atau pekhidmat tuan rumah inapan yang bertanggungjawab pada sesuatu waktu tertentu mengenai rumah inapan itu atau seseorang yang dilantik dengan sempurna oleh tuan rumah inapan itu untuk menerima barang-barang tetamunya untuk disimpan dengan selamat;

“rumah inapan” ertinya sesuatu hotel, rumah tumpangan atau tempat lain, yang dilesenkan di bawah mana-mana undang-undang

bertulis yang berkuat kuasa pada sesuatu waktu tertentu di Semenanjung Malaysia, di mana seseorang berlandung atau menginap bagi apa jua jenis sewa atau ganjaran dan di mana apa jua perkhidmatan domestik diberi oleh pemunya, penerima pajak, tenan utama, penduduk atau pengurus kepada seseorang yang berlandung atau menginap itu;

“Semenanjung Malaysia” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di dalam seksyen 3 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [Akta 388], dan meliputi Wilayah Persekutuan.

“tuan rumah inapan” ertinya tuan sesuatu rumah inapan sedemikian dan termasuk sesuatu syarikat atau perbadanan.

Kuasa menjual barang yang dideposit dengan tuan rumah inapan

3. Seseorang tuan rumah inapan hendaklah, sebagai tambahan kepada lien biasanya, mempunyai hak mutlak untuk menjual melalui lelong awam apa-apa barang yang telah didepositkan dengannya atau ditinggalkan di rumah inapan yang diuruskan olehnya atau di mana-mana garaj, tempat letak kereta atau di premis lain yang bersangkutan dengannya di mana seseorang yang mendeposit atau meninggalkan barang itu hendaklah atau menjadi terhutang kepada tuan rumah inapan tersebut bagi makanan atau penginapan:

Dengan syarat bahawa—

- (a) tiada jualan sedemikian boleh dibuat sehingga selepas barang tersebut telah berada di bawah tanggungan atau jagaan sedemikian selama enam minggu atau berada di dalam atau pada premis itu tanpa hutang itu dibayar atau dijelaskan;
- (b) tuan rumah inapan, setelah daripada hasil jualan sedemikian membayar pada dirinya amaun sesuatu hutang itu, bersama dengan kos dan belanja sesuatu jualan sedemikian, hendaklah apabila dituntut membayar lebihan

(jika ada) yang berbaki selepas jualan sedemikian kepada orang yang mendeposit atau meninggalkan barang itu;

- (c) hutang yang mana untuk pembayarannya suatu jualan diadakan tidak boleh terdiri daripada sesuatu hutang lain atau hutang yang lebih besar daripada hutang bagi mana barang itu boleh disimpan oleh tuan rumah inapan di bawah liennya;
- (d) sekurang-kurangnya satu bulan sebelum sesuatu jualan sedemikian tuan rumah inapan itu hendaklah mengarahkan supaya dimasukkan di dalam surat khabar yang diedarkan di Malaysia suatu iklan yang mengandungi notis mengenai jualan yang dicadangkan itu, dan memberi secara ringkas perihal barang yang dicadangkan akan dijual, bersama dengan nama pemunya atau orang yang mendeposit atau meninggalkan barang itu jika diketahui.

Pembatasan liabiliti tuan rumah inapan

4. Tiada seorang pun tuan rumah inapan boleh bertanggung kepada seseorang tetamu tuan rumah inapan itu untuk memampas apa-apa kehilangan atau kerosakan pada barang yang dibawa ke rumah inapannya, yang bukannya seekor kuda atau binatang hidup yang lain, atau sesuatu alat perkakas yang berkaitan dengannya atau apa-apa kereta atau kenderaan, bagi amaun yang lebih daripada lima ratus ringgit, kecuali dalam hal berikut:

- (a) di mana barang itu telah dicuri, hilang atau rosak melalui perbuatan, keingkaran atau pengabaian sengaja tuan rumah inapan atau seseorang pekhidmat di bawah pengajiannya;
- (b) di mana barang itu telah didepositkan dengan nyata untuk simpanan selamat dengan tuan rumah inapan atas pengurusnya:

Dengan syarat sentiasanya bahawa mengenai deposit sedemikian adalah sah di sisi undang-undang bagi tuan rumah inapan atau pengurusnya, jika difikirkannya patut, menghendaki, sebagai syarat kepada liabilitinya—

- (i) bahawa tetamu itu hendaklah pada masa membuat deposit itu menyatakan nilai barang itu;
- (ii) bahawa barang itu hendaklah didepositkan di dalam suatu kotak atau bekas lain, diikat dan dimeteraikan oleh orang yang mendeposit barang itu:

Dengan syarat sentiasanya bahawa tuan rumah inapan atau pengurusnya boleh enggan menerima untuk disimpan dengan selamat di bawah seksyen ini barang seseorang tetamu yang mana nilai yang dinyatakan itu melebihi lima ribu ringgit, dan bahawa dia tidak dalam mana-mana keadaan akan bertanggung bagi kehilangan atau kerosakan pada barang yang dideposit sedemikian oleh tetamu bagi suatu amaun yang melebihi nilai yang dinyatakan itu.

Keengganan menerima harta untuk disimpan dengan selamat

5. Jika seseorang tuan rumah inapan atau pengurusnya enggan menerima untuk disimpan dengan selamat, seperti yang disebutkan sebelum ini, apa-apa barang tetamunya yang mana nilai yang dinyatakan tidak lebih daripada lima ribu ringgit, atau jika seseorang tetamu itu, melalui apa-apa keingkaran tuan rumah inapan atau pengurusnya, tidak dapat mendeposit apa-apa barang yang telah disebutkan dulu, tuan rumah inapan itu tidak berhak mendapat faedah Akta ini bagi barang itu.

Salinan seksyen 4 hendaklah dipamerkan

6. Tiap-tiap tuan rumah inapan hendaklah mengarahkan supaya sekurang-kurangnya satu salinan seksyen 4 Akta ini yang dicetak dengan huruf terang dipamerkan di suatu tempat yang mudah dilihat di dewan atau di pintu masuk rumah inapannya, dan dia adalah berhak mendapat faedah Akta ini hanya bagi barang yang dibawa ke rumah inapan semasa salinan itu dipamerkan sedemikian.

Pemansuhan

7. Ordinan Liabiliti Tuan Rumah Inapan Negeri-Negeri Selat [*N.N.S. Bab 58*] adalah dengan ini dimansuhkan.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 248****AKTA TUAN RUMAH INAPAN 1952**

SENARAI PINDAAN

| Undang-undang yang meminda | Tajuk ringkas | Berkuat kuasa dari |
|-------------------------------|---|-----------------------|
| Akta 160 | Akta Mata Wang Malaysia (Ringgit) 1975 | 29-08-1975 |

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 248

AKTA TUAN RUMAH INAPAN 1952

SEKSYEN YANG DIPINDA

| Seksyen | Kuasa meminda | Berkuat kuasa dari |
|---------|---------------|--------------------|
| 4 | Akta 160 | 29-08-1975 |
| 5 | Akta 160 | 29-08-1975 |
